



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 ( 10 )

Tarikh: 1 November 2012

## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN SEJUTA RISALAH

Putrajaya, 01 November 2012 – YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Pakaian Seragam Anggota Penguatkuasa dan Kempen Benci Sampah di Putrajaya pagi ini. Serentak dengan program ini, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat Penyerahan dan Pelancaran Sejuta Risalah Kempen *Anti Litter* kepada orang awam. Ini berikutan hasil daripada kajian dan pemantauan yang dibuat oleh Perbadanan mendapati masih berlaku longgokan sampah haram (*hot spot*) dan pembuangan sampah di tempat-tempat awam semakin meningkat dari masa ke semasa.

Ini telah membuktikan bahawa kesedaran masyarakat kepada pengurusan sisa pepejal masih lagi berada di tahap rendah dan amat membimbangkan. Sekiranya tidak diatasi lebih awal, keadaan bumi kita akan bertambah kotor dan tidak mustahil satu hari nanti bumi kita akan dipenuhi dengan sampah sarap. Kajian juga mendapati pada hari ini, kita semua telah menghasilkan sisa pepejal sebanyak 24,000 tan sampah sehari dan dijangka akan meningkat kepada 30,000 tan sehari pada tahun 2020. Maka dengan itu, 4 risalah yang diterbitkan oleh Perbadanan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang awam ke arah perubahan sikap supaya dapat mengamalkan kebersihan di sekeliling dan sentiasa prihatin kepada alam sekitar. Bagi memastikan semua masyarakat mendapat risalah ini, edaran

akan dibuat oleh warga kerja Perbadanan di pejabat-pejabat cawangan dan negeri dan akan diedarkan kepada institusi pendidikan (sekolah dan tadika), rumah ibadat, organisasi kerajaan dan swasta, premis-premis kediaman serta komuniti-komuniti di kawasan setempat.

Antara kandungan Risalah kempen *Anti Litter* ini adalah info berkaitan dengan Amalan 3R , Apa Itu 3R,Tanggungjawab Masyarakat Menjaga Alam Sekitar dan kaedah *Modus Operandi* pelaksanaan kitar semula di sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan. Adalah diharapkan selepas ini, semua masyarakat dapat melaksanakan kitar semula dengan lebih meluas lagi sepertimana yang dilaksanakan sebelum ini.

Bagi menggiatkan lagi usaha Perbadanan ke arah matlamat dan objektifnya, kempen ini juga telah diadakan di tempat-tempat dan kemudahan awam seperti stesen *Light Rail Transit* (LRT), *koc tren* bagi laluan di antara Kelana Jaya dan Gombak dan juga di bas ekspres *Transnasiona*l bagi laluan ke seluruh Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan utara, selatan dan timur. Promosi-promosi seperti ini diharapkan akan dapat membuahkan hasil kepada alam sekitar khususnya. Tempoh promosi yang dijalankan menggunakan bas ekspres adalah selama 3 bulan yang melibatkan 15 buah bas dan 3 tren LRT (12 koc dan 36 unit poster) telah dipasang.

Amalan Kitar semula sangat penting kepada bandar di seluruh dunia dan manusia yang hidup di dalamnya. Dengan kitar semula akan dapat meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan. Selain itu juga, kebanyakan kawasan tanah di negara kita didapati kurang sesuai untuk membina tapak pelupusan disebabkan sebahagian besar meliputi kawasan tadahan air. Selain itu juga dengan membuadayakan Amalan Kitar Semula akan memberikan manfaat dalam memelihara sumber alam semula jadi untuk generasi akan datang. Kitar semula dapat mengurangkan penggunaan bahan mentah dan menggunakan sedikit tenaga berbanding pemprosesan

bahan dari sumber asli. Oleh itu alam semula jadi dapat dipelihara untuk generasi yang akan datang. Oleh itu, besarlah harapan saya agar semua masyarakat dapat menjadikan Amalan Kitar Semula dan mengamalkan sikap benci kepada sampah demi menjaga bumi kita dari berlakunya pencemaran yang mengundang pelbagai kesan negatif kepada alam sekitar. Sebarang aduan berkaitan Sampah-Longkang-Rumput boleh menghubungi talian nombor 1-800-88-7472 dan setiap aduan akan diambil tindakan segera.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)